

Gadis Iban dibawa lari ke Lombok

KUALA LUMPUR: Seorang lagi gadis bawah umur dilaporkan dilarikan ke Lombok, Indonesia dan berkahwin dengan teman lelakinya dari negara berkenaan.

Stephenie Liana, 15 (kanan), berketurunan Iban dilaporkan diculik dari rumah keluarganya di Mukah, Sarawak oleh teman lelakinya pada 27 Mac lalu sebelum dilarikan menggunakan bot ke Mataram, Lombok.

Bagaimanapun, selepas hampir dua bulan dilaporkan hilang, gadis itu berjaya diselamatkan Polis Indonesia hasil maklumat risikan Bukit Aman dan Polis Antarabangsa (Interpol).



Sumber memberitahu *Berita Harian*, mangsa yang sudah berkahwin dengan individu yang melarikannya ditahan kerana memasuki republik itu secara haram dan tidak memiliki dokumen

perjalanan sah.

Gadis itu bersama seorang lelaki berusia 30 tahun, dipercayai suaminya ditahan di Balai Polis Mataram untuk disoal siasat sebelum dibenarkan pulang ke rumah lelaki terbabit.

"Mereka kini dikenakan tahanan rumah di bawah pengawasan polis sehingga siasatan kes itu selesai.

"Kedutaan Malaysia di Jakarta sudah dimaklumkan mengenai penemuan semula gadis itu, begitu juga keluarganya di Malaysia," katanya.

Menurut sumber, kerajaan itu susulan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Po-

lis Indonesia.

Sebelum ini, pelakon remaja, Salsabila Yunan, 16, atau Bella dibawa pulang dari Lombok, Indonesia, juga selepas berlari ke negara itu bersama reman lelakinya

Bella dan Stephenie adalah antara kes gadis bawah umur tempatan yang dilarikan ke negara jiran itu atas faktor cinta.

Sementara itu, Pengerusi Biro Aduan Komuniti Pemuda Umno, Datuk Muhammad Khairun Aseh ketika dihubungi mengesahkan pihaknya sedia membantu keluarga mangsa membawa pulang gadis berkenaan ke Malaysia.